



No. Rujukan: UNIMEL/BEND/BKK/2024(2)

Tarikh: 09 Februari 2024
28 Rejab 1445 H

Assalamualaikum wr. wb / Salam Sejahtera

Perkara	MAKLUMAN PENGAMBILAN HALL TICKET PEPERIKSAAN BAGI MAHASISWA/I YANG MEMPUNYAI TUNGGAKAN YURAN
Kepada	Semua Mahasiswa/i Prasiswazah, UNIMEL
Daripada	Bendahari UNIMEL
Salinan Kepada	<ul style="list-style-type: none">➤ Naib Canselor - untuk makluman YBhg. Prof. Datuk Dr.➤ Pemangku Pengarah BHEA – untuk makluman tuan➤ Dekan FKI/FPHT/FSS/FUG/FP/FKSK

Saya dengan segala hormatnya merujuk perkara di atas dan memo Bahagian Hal Ehwal Akademik dan Pengantarabangsaan rujukan no: **UNIMEL/AKA/PENT/1** bertarikh **08 Februari 2024** adalah berkait.

2. Untuk makluman, Pejabat Bendahari UNIMEL tidak membenarkan pengambilan 'hall ticket' peperiksaan kepada mahasiswa/i yang mempunyai tunggakan yuran sepertimana tertakluk di dalam buku Kaedah-Kaedah Hal Ehwal Akademik 1994 (Pindaan 2022) Perkara 9.0 - Kelayakan Menduduki Peperiksaan.

3. Mahasiswa/i yang mempunyai status hutang (berdasarkan senarai nama yang telah dikeluarkan Bahagian Hal Ehwal Akademik dan Pengantarabangsaan untuk pengambilan *hall ticket* peperiksaan) dan telah menjelaskan sepenuhnya tunggakan yuran perlu mendapatkan slip pelepasan *hall ticket* peperiksaan di Pejabat Bendahari UNIMEL (**Kaunter 4 & kaunter 6**) bermula pada **13 Februari hingga 23 Februari 2024** untuk membolehkan mahasiswa/i mendapatkan 'hall ticket' peperiksaan dari Bahagian Hal Ehwal Akademik & Pengantarabangsaan, UNIMEL.

4. Perhatian dan kerjasama daripada mahasiswa/i amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih

Sekian. Wassalam.


“MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA”

“BIJAK LAKSANA TUAH, BERANI LAKSANA JEBAT”

“BERILMU, BERAKHLAK, BERBUDAYA”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(HAJI ISMAIL BIN HASIM)

